

28/09/1998

Ghafar tegur laporan wartawan Indonesia

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Ahad - Tokoh politik veteran, Tun Ghafar Baba, hari ini menegur wartawan Indonesia kerana membuat laporan tidak tepat berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Beliau berpendapat, kemungkinan wartawan terbabit tidak memperolehi maklumat daripada sumber yang betul atau keliru dengan laporan media massa asing.

Ghafar, yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri, berkata demikian pada sesi dialog dengan lebih 50 wartawan tempatan untuk memberi penjelasan mengenai pemecatan Anwar.

Beliau mengakui, kebanyakan akhbar di Indonesia sangat simpati dengan nasib yang menimpa diri Anwar, namun mereka sewajarnya melaporkan perkara yang benar berdasarkan fakta dan maklumat tepat.

Katanya, soal pemecatan Timbalan Perdana Menteri atau menteri adalah perkara biasa dalam mana-mana negara di dunia jika pucuk pimpinan negara terbabit mendapati sudah tidak ada lagi persefahaman antara mereka.

"Perkara seperti ini tidak dihebohkan atau menjadi masalah apabila ia berlaku di Britain, Russia dan New Zealand," kata Ghafar.

Ghafar hairan mengapa isu pemecatan Anwar mendapat liputan besar-besaran di luar negara termasuk Indonesia, sedangkan tindakan seperti itu juga berlaku di negara lain tetapi tidak diberi perhatian sewajarnya.

Beliau menegaskan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa memecat Anwar apabila didapati beliau tidak lagi layak menjadi pemimpin negara akan datang selepas mengetahui Anwar terbabit dalam perbuatan sumbang.

"Perdana Menteri tidak mahu orang seperti ini menjadi penggantinya dan memimpin Malaysia pada masa akan datang," katanya.

Ghafar yang mengadakan lawatan tidak rasmi ke Indonesia, menegaskan walaupun kini tidak menjadi menteri atau pemimpin parti, tetapi sebagai warganegara yang bertanggungjawab, beliau perlu menjelaskan perkara sebenar.

Beliau tidak mahu pemecatan Anwar menjejaskan keamanan dan kesejahteraan rakyat serta negara selepas selama ini kerajaan berhasil mencapai kejayaan besar dalam pelbagai bidang.

Katanya, Anwar akan dihadapkan ke mahkamah tidak lama lagi untuk dibicarakan atas beberapa tuduhan, termasuk liwat dan perlakuan sumbang, supaya masyarakat umum dapat mengetahui perkara sebenar.

"Pada mulanya Dr Mahathir tidak percaya dengan perbuatan sumbang yang dilakukan Anwar, tetapi selepas diselidiki dan mendapat laporan polis, beliau mempercayainya dan membuat keputusan memecat Anwar," kata Ghafar.

Mengenai tindakan penyokong Anwar mengadakan tunjuk perasaan, Ghafar menjelaskan, perbuatan itu memang dihasut dan dirancang oleh Anwar sebelum beliau ditangkap.

"Anwar memang mahu ditangkap mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) supaya dia tidak dibicarakan di mahkamah atas perbuatan sumbangnya. Tetapi kerajaan akan tetap membicarakan Anwar di mahkamah," tegasnya.

Beliau juga menjelaskan, Anwar dan beberapa penyokongnya terpaksa ditangkap kerana tindakan mereka menganjurkan perhimpunan haram, membakar semangat rakyat dan menghasut orang ramai menimbulkan huru-hara mengancam keselamatan dan ketenteraman negara.

Ghafar menyifatkan laungan Anwar supaya dilancarkan gerakan pembaharuan atau reformasi di Malaysia sebagai tidak bermakna atau sia-sia kerana

pembaharuan sudah dilakukan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan.

Dalam lawatannya, Ghafar akan menemui beberapa tokoh terkemuka seperti Dr Amien Rais, KH Abdul Rahman Wahid (Gus Dur) dan Prof Emil Salim untuk berbincang mengenai pemecatan Anwar.

(END)